

Kejayannya belum mencapai matlamat, kata PM

# ITM tanggung tugas mencabar

**ALOR GAJAH, Ahad — Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad mengingatkan bahawa Institut Teknologi Mara (ITM) adalah institusi penting kepada orang Melayu dalam usaha meningkatkan pencapaian di bidang pelajaran, ekonomi dan sosial.**

Katanya, pelajaran boleh membantu mengimbangkan pembangunan di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini dan ITM yang ditubuh menggantikan Rida mempunyai tanggungjawab besar bagi

---

**Oleh SOLIHAN HAJI BADRI**

---

meningkatkan pencapaian itu.

"Apabila ITM ditubuhkan, harapan kita amatlah tinggi bahawa ITM dapat menampung segala kekurangan pada Bumiputera dan ITM sudah melaksanakan tanggungjawab itu.

"Ramai pengusaha, peniaga dan pengurus dalam syarikat swasta dan kerajaan adalah lulusan ITM.

"Kita sudah berjaya tetapi kejayaan kita belum sampai di peringkat yang dikehendaki kerana ketika kita membangun dan bergerak ke hadapan, pihak lain juga tidak menunggu kita. Mereka juga telah maju dan lebih ke hadapan," katanya ketika merasmikan upacara memecah tanah tapak kam-

pus ITM cawangan Melaka di Lendu di sini pagi ini.

Oleh itu, Perdana Menteri mengingatkan pensyarah, pelajar serta mereka yang bertanggungjawab di ITM memastikan matlamat kerajaan untuk membaiki pencapaian Bumiputera di bidang berkenaan, tercapai.

Datuk Seri Dr Mahatir yakin, jika orang Melayu benar-benar memberi tumpuan kepada usaha itu, matlamat membaiki taraf mereka dapat dicapai dalam satu atau dua dekad akan datang.

Katanya, modal yang banyak dibelanjakan bagi menyediakan kemudahan pelajaran untuk menseimbangkan taraf Bumiputera, tidak akan berjaya seperti yang diharapkan, jika tidak disertai oleh usaha yang bersungguh-sungguh.

Beliau berkata, tanggungjawab memastikan matlamat itu dicapai bukan sahaja terletak di bahu pensyarah-pensyarah tetapi juga pelajar-pelajar. Beliau menyifatkan mereka yang dapat memasuki institut itu sebagai cukup bernasib baik.

"Oleh kerana kita bernasib baik, seharusnya kita menggunakan peluang ini sepenuhnya supaya cita-cita pelajar untuk membaiki kehidupan dan cita-cita negara menseimbangkan kedudukan kaum di negara kita, tercapai.

"Walaupun mereka yang akhirnya merasai nikmat kejayaan itu, mereka juga harus berkorban untuk menentukan cita-cita rakyat yang turut berkorban menentukan kejayaan itu tercapai," tambahnya.

Mengenai pembabitan dan minat penuntut dalam kegiatan di luar bidang pelajaran umpamanya politik, Perdana Menteri menganggap itu satu kegiatan atau minat yang sihat.

"Ini adalah sihat kerana mereka mempunyai minat kepada sesuatu, selain pelajaran tetapi kita harus bersikap sederhana kerana tumpuan kita adalah pelajaran.

"Walaupun kita ada minat di bidang lain, minat itu hendaklah dikurangkan sedikit supaya tidak menjejaskan pelajaran kita," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menasihatkan semua penuntut ITM mempelajari ilmu untuk membaiki diri dan membantu mencapai matlamat negara bagi menseimbangkan pembangunan antara kaum.

Kalau pembangunan seimbang antara kaum sudah dicapai, maka soal perkauman tidak akan menjadi masalah lagi kerana semua kaum melaksanakan tanggungjawab yang sama di bidang politik, ekonomi dan sosial, katanya.

Kampus di Lendu itu, apabila siap kelak, akan menempatkan pelajar ITM yang kini mengikuti pengajian mereka di bangunan kampus sementara di Jalan Hang Tuah di sini.